



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-197 BIL.4/2026**

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN STOR PENYIMPANAN BARANGAN KOLEJ KEDIAMAN PEKAN
DAN GAMBANG SEMESTER I, SESI 2025/2026**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

- Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-246 Bil. 11/2024 bertarikh 11 Disember 2024, semua pelajar diwajibkan mendaftar keluar asrama pada hujung Semester I dengan mengosongkan bilik dan memulangkan kunci di Pejabat Kolej Kediaman masing-masing.
- Berdasarkan Pemakluman Kali ke-162 Bil. 10/2025 bertarikh 24 Disember 2025, semua pelajar diwajibkan mengosongkan bilik sepanjang cuti semester bagi membolehkan pelaksanaan kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan dijalankan mengikut amalan Universiti Awam.
- Bagi memudahkan pelajar, pihak pengurusan Kolej Kediaman menyediakan stor penyimpanan barangan sepanjang cuti semester bagi Semester I, Sesi 2025/2026. Perkhidmatan ini melibatkan semua Kolej Kediaman di Pekan dan Gambang.
- Semua pelajar diwajibkan mematuhi aturan penyimpanan barangan yang telah ditetapkan bagi memastikan pengurusan stor berjalan lancar dan teratur. Aturan penyimpanan barangan pelajar di dalam stor adalah seperti berikut:

Lokasi	Lokasi stor adalah ditetapkan mengikut kolej kediaman masing-masing (sebagaimana dimaklumkan oleh pihak PEKA).
Saiz kotak yang dibenarkan	21 x 21 inci
Jumlah kotak yang dibenarkan	Setiap pelajar hanya terhad kepada tiga (3) kotak sahaja (barangan seperti makanan dan barangan berharga TIDAK DITERIMA)
Caj yang dikenakan	Kadar caj yang dikenakan adalah sebanyak RM2.00 bagi setiap kotak, selaras dengan pelaksanaan pada sesi pengajian yang lepas
Obligasi pelajar	Dengan menggunakan perkhidmatan ini pelajar bersetuju: Pelajar adalah diwajibkan untuk mematuhi segala tatacara dan peraturan penyimpanan barangan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman dari semasa ke semasa. Sebarang kehilangan atau kerosakan barangan sepanjang tempoh penyimpanan tidak akan dipertanggungjawabkan kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman. Pelajar adalah dengan ini terikat dan bersetuju bahawa pihak pengurusan Kolej Kediaman mempunyai hak mutlak untuk melupuskan mana-mana barangan yang disimpan di tempat yang tidak dibenarkan atau yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, pada bila-bila masa dan tanpa sebarang notis. Pelajar hanya perlu menuntut barang pada tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak pengurusan PEKA.

Makluman Tambahan:

- i. Pihak pengurusan berhak mengenakan **kompaun sebanyak RM50.00 bagi setiap barangan yang dijumpai** ke atas mana-mana pelajar yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
 - ii. Waktu penyimpanan dan pengambilan barangan adalah tertakluk sepenuhnya kepada ketetapan pengurusan PEKA masing-masing dan hendaklah dipatuhi oleh semua pelajar
 - iii. Pelajar adalah **diwajibkan memastikan setiap barangan atau kotak yang ditinggalkan dilabel dengan jelas dengan nama, nombor matrik dan nombor telefon**. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan barangan tidak diterima.
6. Pelajar adalah diwajibkan mematuhi serta cakna terhadap tarikh-tarikh penting yang ditetapkan bagi urusan penyimpanan dan pengambilan barangan. Jadual penyimpanan dan pengambilan adalah seperti berikut:

PERKARA	OPERASI	TARIKH
PENYIMPANAN	BUKA	17.01.2026
	TUTUP	11.02.2026
PENGAMBILAN	BUKA	24.03.2026
	TUTUP	31.03.2026

7. Dengan ini dimaklumkan bahawa senarai wakil pelajar bagi setiap Kolej Kediaman telah dilantik untuk menguruskan proses penyimpanan serta pengambilan barang. Wakil-wakil pelajar ini bertanggungjawab memastikan proses tersebut berjalan dengan lancar dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

KOLEJ KEDIAMAN	WAKIL PELAJAR BAGI SETIAP KOLEJ
Kolej Kediaman 1	Zainab Binti Ahmad Dhya'a (011-3129 5274)
Kolej Kediaman 2	Vasudevan A/L M. Thurairajan (010-9882997)
Kolej Kediaman 3	Syazliyana Rasyiqah Binti Muhammad Sufian Sawari (016-9412945)
Kolej Kediaman 4	Amirul Asyraf Bin Abd Muen (013-5820964) Muhamad Afifi Aqasah Bin Roslan (019-3036028)
Kolej Kediaman 5	Muhammad Aiman Bin Darus (017-686 607)

Kolej Kediaman DHUAM	Muhamad Afiq Fitri bin Zulkifli (011-304 4877) Noora Haidah binti Azmi (013-995 0501)
----------------------	--

8. Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Kolej Kediaman atau email kepada residen@umpsa.edu.my.

Sekian, harap maklum

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 15 Januari 2026